

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]
TARIKH : 29 MAC 2018
SOALAN : 49**

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci apakah perkembangan terkini termasuk kos belanja pembinaan hospital baharu dan penambahbaikan hospital Kerajaan seperti Hospital Seri Iskandar, Hospital Kampar, Hospital Taiping, Hospital Seri Manjung dan Hospital Parit Buntar .

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 21 buah projek pembinaan hospital baharu telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Bagi tujuan ini, peruntukan keseluruhan sebanyak RM5.964 bilion telah disediakan bagi perbelanjaan pembinaan hospital baharu dan penambahbaikan hospital kerajaan.

Selain daripada itu, peruntukan berjumlah **RM2.745 juta** juga telah diperuntukkan dari tahun 2016 hingga 2018 kepada hospital-hospital berikut bagi tujuan naiktaraf, ubahsuai dan pembelian peralatan perubatan dan kenderaan seperti pecahan berikut:

- i. Hospital Kampar sebanyak RM200 ribu;
- ii. Hospital Taiping sebanyak RM1.227 juta;
- iii. Hospital Seri Manjung sebanyak RM1.117 juta; dan
- iv. Hospital Parit Buntar sebanyak RM200 ribu.

105

Projek pembinaan Hospital Seri Iskandar, Perak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) RP 4 dengan kos **RM120 juta**. Projek ini akan menggunakan Pelan Piawai (PAP) berdasarkan rekabentuk Hospital Parit Buntar (76 katil). Projek ini dicadangkan dibina di mukim Bandar Seri Iskandar, Perak Tengah, Perak. Pada masa ini projek ini sedang dalam penilaian *Value Engineering* (VE) yang memulakan pra bengkel pada 22 Februari 2018. Projek akan ditender setelah kos selepas VE dimuktamadkan dan diluluskan.

Bagi Hospital Parit Buntar (76 katil), projek ini telah ditender pada **14 Ogos 2017** dan Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada **06 Disember 2017**. Projek ini telah memulakan pelaksanaan pada **02 Januari 2018** dan projek dijangka siap pada **02 Januari 2021**. Kos projek adalah sebanyak **RM161.8 juta**.

Bagi Hospital Seri Manjung Perak, kerajaan telah meluluskan Projek Blok Tambahan Hospital Seri Manjung yang mana projek ini telah melalui penilaian *Value Engineering* (VE) pada 4 hingga 7 Disember 2017 untuk memuktamatkan keperluan teknikal dan kos projek. Kos projek **selepas penilaian VE berjumlah RM73.0 juta** dan telah dikemukakan kepada pihak UPE, JPM untuk kelulusan melalui surat bertarikh **8 Februari 2018**. Projek ini akan ditender setelah kos projek diluluskan.

Manakala di Hospital Taping, Perak, kerajaan telah meluluskan projek Naiktaraf Blok A dan B Hospital Taiping yang melibatkan kos sebanyak **RM26.4 juta**. Projek ini telah memulakan pembinaan pada **5 September 2016** dan dijangka siap pada **3 Mac 2019**.

Bagi projek di Hospital Kampar, Perak, pada masa ini tiada projek terdekat yang diluluskan oleh kerajaan memandangkan perkhidmatan sedia ada di Kampar masih mampu menampung keperluan penduduk sekitar. Walaubagaimanapun kerajaan akan melaksanakan kajian pengembangan dan keperluan perkhidmatan kesihatan dari masa ke semasa bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan sedia ada di Hospital Kampar, Perak.